

UMS-NGO Korea jalin kerjasama kurangkan TB

Oleh NIK JASNI CHE JAAFAR

nikjasni.ub@gmail.com

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melalui Sekolah Perubatan menjalin kerjasama dengan Zero Tuberculosis World (Zero TB), sebuah badan bukan kerajaan (NGO) dari Korea Selatan untuk melaksanakan penyelidikan berkaitan Tuberculosis (TB) bagi mengurangkan jumlah kes penyakit itu di negeri ini.

Kerjasama terbabit direalisasikan melalui penubuhan Pusat Penyelidikan Tuberculosis (TRC) dan Pusat TB Komuniti (CTC) di negeri ini yang turut mendapat kerjasama daripada Kementerian Kesihatan.

Naib Canselor UMS, Brig Jen Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon berkata inisiatif kerjasama itu bermatlamat mengurangkan jumlah TB agar penyakit itu tidak lagi menjadi ancaman kepada masyarakat.

"TRC Sabah akan



JALIN KERJASAMA ... Rosnah bertukar dokumen Naib Presiden Zero Tuberculosis World, Korea sambil disaksikan pegawai dari keuda-dua buah organisasi.

membolehkan capaian untuk rawatan TB di kawasan pedalamam dan turut melaksanakan tinjauan Anti-TB Drug Resistance di Kota Kinabalu dan kawasan kampung.

"Pusat ini akan mengurangkan separuh dari kes TB ketika ini menjelang 2015 seperti yang dinyatakan sasaran lapan dalam Matlamat

Pembangunan Milenium (MDG) oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)," katanya.

Katanya, kerjasama terbabit adalah tepat pada masanya bagi menghalang peningkatan jumlah pesakit TB di negara ini, terutamanya di Sabah.

Beliau juga berkata, Sekolah Perubatan mempunyai pengamal

perubatan berkemahiran untuk berkhidmat kepada komuniti.

"Kampus sekolah ini dilengkapi dengan kemudahan dan peralatan yang sesuai termasuk kabinet biokeselamatan Kelas 2 manakala makmal bikeselamatan Tahap 3 terdapat di Institut Penyelidikan Bioteknologi,"

katanya dalam majlis menandatangi dokumen persefahaman antara UMS dan Zero TB di sini, kelmarin.

Ucapan beliau disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof Dr Rosnah Ismail.

Kamaruzaman berkata, Sekolah Perubatan mempunyai pakar, jururawat dan kemudahan yang lengkap yang membolehkan pengujudan TRC ini di universiti ini.

Tambahnya, infrastruktur seperti Poliklinik UMS dan makmal TB, Wad Perubatan Respiratori Hospital Ratu Elizabeth (QE) dan 32 pusat rawatan TB di negeri ini juga membolehkan misi MDG ini dapat dicapai.

Sementara itu, CTC pula akan diperkenal sebagai pusat sehenti yang berfungsi sebagai sebagai pusat pencegahan, kawalan dan pendidikan.

Ketika ini, Sabah direkodkan sebagai negeri yang mempunyai notifikasi TB tertinggi di Malaysia dengan nisbah kes kepada penduduk adalah 110:100,000.